

SmartPA

Product Disclosure Sheet

Important Note

1. Read this Product Disclosure Sheet before you decide to take out the **SmartPA Insurance Policy**. Be sure to also read through the general terms and conditions.
2. You are advised to note the table of benefits for Death and Disablement in your insurance policy. You must nominate a nominee and ensure that your nominee is aware of the policy that you have purchased. You should read and understand the insurance policy and discuss with the agent or contact us directly for more information.
3. Pursuant to Paragraph 5 of Schedule 9 of the Financial Services Act 2013, if you are applying for this Insurance wholly for purposes unrelated to your trade, business or profession, you have a duty to take reasonable care not to make a misrepresentation in answering the questions in the Proposal Form (or when you apply for this insurance). You must answer the questions fully and accurately.

Failure to take reasonable care in answering the questions may result in avoidance of your contract of insurance, refusal or reduction of your claim(s), change of terms or termination of your contract of insurance.

The above duty of disclosure shall continue until the time your contract of insurance is entered into, varied or renewed with us.

In addition to answering the questions in the Proposal Form (or when you apply for this insurance), you are required to disclose any other matter that you know to be relevant to our decision in accepting the risks and determining the rates and terms to be applied.

You also have a duty to tell us immediately if at any time after your contract of insurance has been entered into, varied or renewed with us any of the information given in the Proposal Form (or when you applied for this insurance) is inaccurate or has changed.

1. What is this product about?

This policy provides comprehensive 24 hours worldwide protection to the Insured for bodily injury caused by accidental means resulting directly and independently of any other cause within twelve calendar months in death, disablement, medical and other expenses. This scheme offers 6 different plans for the Insured to choose from.

2. What are the covers / benefits provided?

This policy covers:

- Accidental Death
- Accidental Permanent Disablement
- Double Indemnity in the event of Accidental Death or Permanent Total Disablement whilst Travelling on Public Conveyance or Travelling Overseas or Being a Victim of Snatch Theft.
- Accidental Medical Expenses inclusive of Chinese Medication Expenses
- Prostheses
- Local Ambulance Fee
- Daily Hospitalisation Allowance (maximum 100 days)
- Weekly Nursing Care Charges (maximum 4 weeks)
- Cash Relief Due to Accidental Death
- Repatriation Expenses
- Personal Liability
- Bereavement and Funeral Allowance
- Dental Correction and Corrective Cosmetic Surgery due to accident
- Kidnap Benefits
 - a. Lump Sum payment in the event of insured being kidnap
 - b. Rewards for information leading to alive recovery of insured person
 - c. Insured person is not recovered after 1 year from date of kidnap
- Compassionate Care
- Snatch Theft or Robbery
- Loan Protector
- Renewal Bonus
- Cashless Admission Guarantee

The policy extends to cover the following with an additional premium:

- Temporary total disablement

Please refer to the scale of Compensation for death and disablement in the policy contract.

Duration of cover is for one year. You need to renew your cover annually.

3. How much premium do I have to pay?

The premium you have to pay vary based on your choice of plan and occupational classification:

Example

For Plan 1- Self only (Class 1) without Temporary Total Disablement benefit , the estimated gross premium which is including agent's commission but excluding stamp duty is RM115.00.

4. What are the fees and charges I have to pay?

- | | |
|---|------|
| i. Commission to the insurance agent | 25% |
| ii. Stamp duty | RM10 |
| iii. (a) Service tax (for policy transaction period before 1 st April 2015 and for organizational policies only) | 6% |
| (b) Goods & Services Tax (for policy transaction period after 1 st April 2015) | 6% |

5. What are some of the key terms and conditions that I should be aware of?

- Duty of disclosure - You must disclose all material facts which you know or ought to know such as your personal pursuits which could affect the risk profile. You must ensure that all information provided are complete and accurate as these form the basis of the insurance contract.
- Cash before cover - Full premium must be paid to us or our authorized agent before the effective date of the policy
- Age limit - 18 year old to 65 years old, renewal up to 75 years old.
- Claims - If an accident occurs which gives rise to a claim, you shall notify us immediately in the case of death or within twenty one days of the occurrence in the case of bodily injury.

Note: The list is non-exhaustive. Please refer to the policy contract for the full list of terms and conditions under this policy.

6. What are the major exclusions under this policy?

This policy does not cover the following:

- Any unlawful act, wilful exposure to danger, suicide or intentional self-injury
- Any pre-existing physical or mental defect or infirmity
- HIV and/or any HIV related illness including AIDS and/or any mutant derivatives
- Intoxication by drugs
- Pregnancy or childbirth
- Dangerous sports e.g. winter sports, pot-holing, skin-diving, skiing, hockey polo, steeplechasing, big game hunting or hunting, racing other than foot
- Flying other than as a passenger in a licensed passenger carrying aircraft
- War, invasion, rebellion and terrorism
- Regular or temporary civil defence air force naval military or police duties

Note: This list is non-exhaustive. Please refer to the policy contract for the full list of exclusions under this policy.

7. Can I cancel my policy?

You may cancel the policy by giving written notice to us. Upon cancellation, we will return the proportionate part of the premium in respect of the unexpired period of insurance provided no claim has been made.

8. What do I need to do if there are changes to my contact/personal details?

You need to inform us writing of any change to your contact / personal details. Please note that certain change in your life profile including personal pursuits would affect the risk profile.

9. Where can I get further information?

If you have any enquiry, please contact us at:

Customer Service Centre

AXA Affin General Insurance Berhad (23820-W)

Ground Floor, Wisma Boustead,

71 Jalan Raja Chulan,

50200 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: (603) 2170 8282

Fax: (603) 2031 7282

E-Mail: customer.service@axa.com.my

Authorised agent:

10. Other types of Insurance cover available

Please refer to our branches, agents or our website www.axa.com.my for other similar types of cover available.



SmartPA

Lembaran Pendedahan Produk

Nota Penting

1. Sila baca Lembaran Pendedahan produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli Insurans **SmartPA**. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am.
2. Anda hendaklah membaca dan memahami polisi insurans dan berbincang dengan pengantara insurans anda atau hubungi terus kami untuk keterangan lanjut.
3. Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajiban untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini (atau semasa permohonan insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat.

Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami. Sebagai tambahan kepada soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini (atau semasa permohonan insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.

Anda juga mempunyai kewajiban untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami, apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan ini (atau semasa permohonan insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

1. Apakah produk ini?

Polisi ini menyediakan perlindungan 24 jam di serata dunia kepada anda dan keluarga anda bagi kecederaan anggota badan akibat kemalangan yang mana kecederaan ini mengakibatkan anda mengalami hilang upaya atau menyebabkan anda perlu menjalani perubatan dan/atau pembedahan atau berlakunya kematian dalam tempoh polisi 12 kalendar bulan.

Anda mempunyai 6 pilihan pelan di mana anda boleh menginsurankan seluruh keluarga anda atau memilih mana-mana ahli keluarga anda untuk diinsurankan.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Manfaat

- Kematian akibat kemalangan
- Hilang upaya kekal akibat kemalangan
- Ganti rugi berganda
- Bonus pembaharuan
- Perbelanjaan rawatan perubatan akibat kemalangan
- Kos membeli peralatan sokongan
- Perkhidmatan ambulan
- Elaun Harian Hospital
- Perbelanjaan Mingguan Jagaan jururawat
- Bayaran wang tunai bagi kemalangan maut
- Kos penyelenggaraan dan penghantaran pulang Jenazah
- Liabiliti Individu
- Perkabungan dan elaun pengebumian
- Pembedahan gigi dan/atau pembedahan kosmetik pembedahan
- Manfaat penculikan
- Elaun perjalanan untuk penjagaan belas kasihan
- Bantuan tunai akibat ragut atau rompak
- Jaminan kemasukan hospital tanpa tunai
- Pelindung pinjaman

Manfaat pilihan:-

- Hilang upaya sementara (Faedah mingguan sehingga 104 minggu)

Nota: Sila rujuk carta manfaat untuk kematian dan hilang upaya kekal di dalam contoh polisi perjanjian.

Tempoh perlindungan selama satu tahun. Anda dikehendaki memperbaharui polisi insurans anda setiap tahun.

3. Berapakah premium yang saya perlu bayar?

Jumlah premium yang perlu anda bayar mungkin bergantung kepada pemilihan plan mengikut keperluan pengunderaitan.

Contoh :

Untuk Plan 1 (sendiri) bawah kelas 1 & 2 : Jumlah kasar anggaran premium yang perlu dibayar termasuk Komisen dibayar kepada pengantara insurans tetapi tidak termasuk Cukai perkhidmatan dan Duti Setem ialah RM115. Jika anda memerlukan manfaat pilihan, anda perlu membayar RM27 tambahan.

4. Apakah yuran dan bayaran yang saya perlu bayar?

- | | |
|--|----------------------|
| i. Komisen dibayar kepada pengantara insurans | 25% daripada premium |
| ii. Duti Setem | RM10.00 |
| iii. (a) Cukai Perkhidmatan (untuk transaksi polisi bertarikh sebelum 1 April 2015); atau | 6% daripada premium |
| (b) Cukai Barang atau Perkhidmatan (untuk transaksi polisi bertarikh selepas 1 April 2015) | 6% daripada premium |

5. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?

- Kepentingan pendedahan – anda dikehendaki mendedahkan semua fakta material yang anda tahu atau patut tahu; jika tidak, polisi ini akan dianggap tidak sah.
- Tunai sebelum Perlindungan - Adalah asas dan mutlak pada keadaan khas dalam perjanjian Polisi dimana premium tamat tempoh mesti dibayar dan diterima oleh pihak kami sebelum tarikh mula perlindungan. Sekiranya syarat ini tidak dipenuhi secara langsung polisi insurans ini terbatal.
- Had Umur : 18 tahun sehingga 65 tahun. Pembaharuan dibenarkan sehingga umur 75 tahun
- Pampasan – adalah penting bagi anda memaklumkan pada pihak kami dengan kadar segera jika berlaku kematian. Jika berlaku kemalangan, anda harus memaklumkan kepada pihak kami dalam masa 21 hari.

Nota : Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk sampel kontrak polisi untuk senarai penuh bagi terma dan syarat di bawah polisi ini.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kerugian tertentu seperti:

- Sebarang tindakan melanggar undang undang, sengaja mendedahkan diri kepada bahaya, membunuh diri, kecederaan diri yang disengajakan;
- Sebarang kecacatan fizikal, mental atau kelemahan yang sedia wujud
- Virus Imunokurangan manusia dan/atau sebarang penyakit berkaitan dengan HIV termasuk AIDS dan/atau sebarang derivatif mutasi atau variasinya
- Kesan atau pengaruh alkohol atau dadah
- Kehamilan dan kelahiran anak
- Penyertaan dalam sukan merbahaya – sukan musim sejuk, sukan selam, sukan payung terjun, 'steeple chasing', pemburuan menggunakan kenderaan, sukan professional dan perlumbaan selain daripada penggunaan kaki;
- Penerbangan selain daripada penerbangan sebagai penumpang di dalam kapal terbang berlesen untuk membawa penumpang
- Peperangan, pencerobohan, pemberontakan, keganasan
- Terlibat dalam perkhidmatan polis, tentera atau laut samada secara tetap atau sementara

Nota: Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk sampel kontrak polisi untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya batalkan polisi ini?

Anda boleh membatalkan polisi ini dengan memberi notis bertulis kepada pihak kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pemulangan premium ditolak premium pada kadar baki tempoh polisi yang telah berkuatkuasa, tertakluk kepada premium minimum yang ditahan oleh pihak kami. Tiada pemulangan premium dibenarkan jika timbulnya tuntutan di bawah polisi ini.

8. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pihak kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi mengemaskini rekod profil anda.

9. Dari manakah boleh saya dapatkan informasi yang lebih terperinci?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai insurans kemalangan diri, sila rujuk kepada buku insurance info mengenai 'Insurans Kemalangan Diri' yang boleh didapati di semua cawangan kami atau anda boleh mendapatkan salinan daripada ejen insurans atau layari www.insuranceinfo.com.my.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Pusat Perkhidmatan Pelanggan

Ground Floor, Wisma Boustead,

71 Jalan Raja Chulan,

50200 Kuala Lumpur.

Tel: (603) 2170 8282

Faks: (603) 2031 7282

E-Mel: customer.service@axa.com.my

Laman web: www.axa.com.my

Agent yang diberi kuasa:

10. Lain-lain jenis perlindungan insurans serupa yang disediakan

Sila rujuk kepada cawangan atau agen kami yang terdekat untuk maklumat lanjut

Sekiranya ada pertikaian dan percanggahan mengenai Terma-terma dan Syarat-syarat ini di dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.